

TERMA & SYARAT PROMOSI “PEMBIAYAAN RUMAH / KEDAI DUTI SETEM SIFAR 2017” HONG LEONG ISLAMIC BANK

TEMPOH PROMOSI

1. Promosi “Pembiayaan-i Rumah / Kedai Duti Setem Sifar 2017” (“Promosi”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (kemudian daripada ini disebut “Bank”) bermula pada 1 November 2017 dan berakhir pada 31 Januari 2018, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”) melainkan diberitahu sebaliknya melalui paparan dalam laman web Bank di www.hlisb.com.my (“laman web Bank”).

KELAYAKAN

2. Promosi terbuka kepada Pemohon yang memohon kemudahan pinjaman dengan jumlah minimum Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000.00) melalui kemudahan Pembiayaan Rumah / Kedai semasa Tempoh Promosi.
3. Promosi terbuka kepada Kemudahan Pembiayaan Sertaan bagi tujuan pembelian baharu / pembiayaan semula harta kediaman dan perdagangan.
4. Kemudahan Pembiayaan Sertaan bagi Promosi ini ialah Hong Leong CM Flexi Property Financing-i (Pembiayaan Rumah/Kedai)
5. Golongan berikut TIDAK layak menyertai Promosi:
 - (a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada Bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Promosi; dan
 - (b) Pelanggan yang telah melakukan, atau dipastikan oleh Bank berpotensi melakukan kesalahan yang disyaratkan di dalam ini akan dilucutkan kelayakan serta-merta daripada menyertai Promosi.

KAEDAH PROMOSI

6. Bank akan menyerap Kos Duti Setem yang dialami berkaitan dengan dokumentasi pembiayaan bagi Kemudahan Pembiayaan Sertaan di bawah Promosi ini.
7. Fi dan kos seperti berikut akan ditanggung oleh pelanggan;
 - (a) Fi guaman dan caj pelepasan bayaran bagi penyediaan dan pengurusan dokumentasi cagaran Kemudahan Pembiayaan Sertaan termasuk fi guaman dan perbelanjaan Bank bagi Pelepasan Gadaian / Penerimaan dan Penugasan Semula (jika berkenaan)
 - (b) Fi pendaftaran dan apa-apa kos berkaitan seperti caj pelepasan bayaran bagi penyediaan dan pengurusan dokumentasi cagaran Kemudahan Pembiayaan Sertaan;
 - (c) Fi dan perbelanjaan penilaian yang ditanggung oleh panel penilai Bank bagi menyediakan laporan penilaian rasmi bagi Harta tersebut,
8. Penyediaan dokumentasi cagaran Kemudahan Pembiayaan Sertaan mestilah diuruskan oleh panel peguam cara Bank.
9. Kos Duti Setem Maksimum bagi Promosi ini yang akan ditanggung oleh Bank adalah dihadkan dan setakat Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu (RM25,000.00) sahaja. Jika sekiranya jumlah Kos Duti Setem melebihi Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu (RM25,000.00), maka Caj Duti Setem tambahan in hendaklah ditanggung oleh Pelanggan Layak.

10. Tempoh pegangan di bawah Promosi adalah selama lima (5) tahun dan jika pelanggan hendak tarik diri sebelum habis tempoh pegangan lima (5) tahun itu, maka kos sebenar yang ditanggung oleh Bank terdiri daripada **duti setem** berserta dengan kos sebagai perbezaan antara kos pendanaan sebenar Bank (Kos Dana Syariah, "ICOF") pada masa tarik diri itu dengan Kadar Keuntungan Efektif terendah (EPR) dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam Surat Tawaran (Fasal Penebusan Awal) dikira berdasarkan amaun pembiayaan asal, seandainya kos pendanaan sebenar (ICOF) lebih tinggi daripada EPR.
11. Tempoh pegangan lima (5) tahun akan bermula dari tarikh pelepasan bayaran pertama Kemudahan Pembiayaan Sertaan.

UMUM

12. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak:
 - (a) bersetuju mematuhi Terma & Syarat Promosi di dalam ini;
 - (b) bersetuju bahawa keputusan Bank atas segala hak berkaitan dengan Promosi adalah muktamad dan mengikat ke atas Pelanggan ;
 - (c) bersetuju bahawa semua permohonan Kemudahan Pembiayaan Sertaan adalah tertakluk kepada penilaian kredit dan kelulusan Bank; dan
 - (d) bersetuju untuk mengakses laman web Bank dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa pindaan atau perubahan kepada Terma & Syarat.
13. Bank berhak:
 - (a) menambah, menggugurkan atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, keseluruhan atau sebahagian, atas budi bicara mutlaknya dengan cara menyiarkan Terma & Syarat pindaan itu dalam Laman Web Bank atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank pada bila-bila masa dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar;
 - (b) menolak, atas budi bicara mutlaknya, sebarang permohonan Kemudahan Pembiayaan Sertaan tanpa memberikan sebarang sebabnya; dan
 - (c) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Promosi atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar oleh Bank menurut budi bicaranya.
14. Terma & Syarat di dalam ini hendaklah dibaca bersama-sama terma dan syarat Hong Leong CM Flexi Property Financing-i (Pembiayaan Rumah/Kedai) sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat di dalam ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
15. Terma & Syarat adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa tak eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
16. Jika sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi, maka Terma & Syarat muktamad dalam laman web Bank akan diutamakan.